

Bincang pandangan NGO tangani beban sara hidup

» Jawatankuasa peringkat tertinggi dianggotai 6 menteri, KSU kementerian

Oleh Nazura Ngah dan Mahanum Abdul Aziz
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Kerajaan menubuhkan jawatankuasa peringkat tertinggi bagi membincangkan pandangan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam menangani peningkatan kos sara hidup.

Dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, jawatankuasa itu dianggotai enam menteri dan enam ketua setiausaha kementerian berkaitan untuk menghasilkan beberapa tindakan oleh kerajaan dalam membantu kurangkan kos sara hidup.

Ketika mengumumkannya semalam, Ahmad Zahid berkata, fungsi jawatankuasa itu tidak bertindih dengan Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Kos Sara Hidup sedia ada yang dipengerusikan beliau sendiri.

Menteri yang akan menganggotai jawatankuasa itu ialah Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Ke-



Zahid menyambut Imam Masjid Nabawi, Dr Abdul Muhsin pada pertemuan khas di PWTC, semalam.

penggunaan, Datuk Seri Hamzah Zainuddin; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed; Menteri Kewangan II, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar; Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh dan Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid.

“Jawatankuasa peringkat tertinggi ini kesinambungan Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Kos Sara Hidup.

“Sebelum mesyuarat jawatankuasa khas Kabinet, kita akan teliti isu pada peringkat jawatankuasa peringkat tertinggi ini,” katanya selepas pertemuan dengan Imam Masjid Nabawi yang juga Hakim Mah-

kamah Madinah, Al Syeikh Dr Abdul Muhsin Muhammad al-Qassim di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini.

Hasilkan tindakan

Ahmad Zahid berkata, perbincangan dengan NGO akan menghasilkan beberapa tindakan untuk membantu mengurangkan kos sara hidup.

“Kita akan berbincang di peringkat Jemaah Menteri untuk mengambil langkah dan rakyat perlu mengetahui bahawa beberapa kos seperti pengangkutan awam dan utiliti adalah satu legasi. Kita minta rakyat khususnya pemimpin NGO memahami bahawa dasar yang diambil sebelum ini adalah tanggungjawab bersama.

“Marilah kita sama-sama tidak menuding jari, sebaliknya

mencari jalan terbaik bagaimana menangani peningkatan kos sara hidup secara menyeluruh yang tentunya hasil daripada perjanjian konsesi beberapa projek raksasa sebelum ini,” katanya.

Diminta mengulas saranan supaya separuh daripada peruntukan RM160 juta yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dalam Bajet 2016 bagi pembangunan NGO disalurkan kepada Yayasan Damai Sejahtera Malaysia (YSDM) dinaungi beliau, Timbalan Perdana Menteri, berkata kerajaan tidak dapat memenuhi cadangan itu.

Bagaimanapun, perbincangan akan diadakan dengan dengan Kementerian Kewangan dan Unit Perancang Ekonomi untuk meneliti kemungkinan perlu mengubah kaedah sedia ada supaya wujud keberkesanan kos terhadap sumbangan yang diberikan.

Terdahulu, ketika merasmikan penutupan Majlis Deklarasi Prioriti 2016: Ekonomi Keutamaan Kita, Ahmad Zahid berkata, beliau akan berunding dengan Perdana Menteri bagi menubuhkan jawatankuasa peringkat tertinggi itu.

“Saya menawarkan diri mempengerusikan jawatankuasa berkenaan yang terdiri daripada enam menteri dan KSU kementerian berkenaan. InsyaAllah dalam minggu pertama Januari ini, saya sendiri akan mempengerusikan jawatankuasa bagi membincangkan semua resolusi yang dicapai hari ini (semalam),” katanya.